



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| | |
|-----------------------------|--------------------------------|
| No Garis Panduan: GP PNM/02 | Tarikh diluluskan : 29/05/2024 |
| | Tarikh disemak semula : |

GARIS PANDUAN PAMERAN DAN JUALAN BUKU TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DI INSTITUSI LUAR

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

**GARIS PANDUAN
PAMERAN DAN JUALAN BUKU TERBITAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
DI INSTITUSI LUAR**

GARIS PANDUAN
PAMERAN BUKU TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA UNTUK JUALAN DI INSTITUSI LUAR

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| 1. TUJUAN | 1 |
| 2. LATAR BELAKANG | 1 |
| 3. OBJEKTIF | 1 |
| 4. DEFINISI/TAFSIRAN | 2 |
| 5. PROGRAM | 2 |
| 6. KAEDAH PELAKSANAAN | 3-4 |
| 7. AKTIVITI | 4 |
| 8. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN | 5 |
| 9. PENUTUP | 5 |
| 10. RUJUKAN | 6 |

1. TUJUAN

Garis panduan ini merupakan satu rujukan kepada warga Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menerima permohonan untuk memamer dan menjual buku-buku terbitan PNM di institusi luar.

2. LATAR BELAKANG

PNM adalah sebuah jabatan kerajaan yang turut terlibat dalam aktiviti penerbitan khususnya dalam bidang perpustakaan dan kepustakawan yang menjadi agenda utama jabatan ini. Langkah ini turut membantu menyemarak dan memperkaya hasil penerbitan dalam negara. Ini selaras dengan kenyataan Dasar Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia yang diluluskan pada 26 Jun 2012 iaitu "Memastikan terbitan jabatan adalah berkualiti dan menepati Gaya Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia yang telah ditetapkan" di bawah klausa 7.6 : Pemasaran dan Jualan.

Bagi memenuhi keperluan institusi luar yang berminat untuk melaksanakan pameran dan jualan buku terbitan PNM di tempat masing-masing, maka PNM menyediakan satu garis panduan pameran dan jualan buku terbitan PNM di institusi luar sebagai panduan dan rujukan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menyediakan satu garis panduan pameran dan jualan buku terbitan PNM di institusi luar yang boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada institusi luar yang berminat;
- 3.2 Mempromosi buku terbitan PNM sebagai salah satu karya ilmiah yang boleh dijadikan sumber rujukan; dan
- 3.3 Mewujudkan situasi sama menang antara PNM dan institusi luar yang berminat untuk melaksanakan pameran dan jualan buku terbitan PNM.

4. DEFINISI/TAFSIRAN

4.1 Institusi Luar

Institusi luar merujuk kepada agensi kerajaan, penerbit universiti awam atau swasta (UA/IPTS) dan syarikat penerbitan swasta yang berminat untuk melaksanakan kerjasama strategik dengan PNM berkaitan pameran dan jualan buku.

5. PROGRAM

5.1 Program ini bertujuan memenuhi keperluan institusi luar yang berminat untuk melaksanakan pameran dan jualan buku terbitan PNM di tempat mereka sekali gus dapat memperluas promosi jualan buku terbitan PNM.

5.2 Kriteria program

Jualan di institusi luar ini mestilah mempunyai kriteria berikut:

- (i) Pengajur hendaklah menyediakan tapak dan kemudahan pameran seperti rak buku atau apa-apa kemudahan lain secara percuma;
- (ii) Pengajur mempunyai pegawai pemasaran atau pegawai mereka sendiri untuk mempromosi jualan dan pameran yang akan diadakan; dan
- (iii) Tiada had tempoh ditetapkan untuk mempamerkan terbitan PNM untuk tujuan pameran.

6. KAEADAH PELAKSANAAN

- 6.1 Pameran buku terbitan PNM adalah terbuka untuk diadakan di mana-mana institusi luar berdasarkan permohonan oleh institusi yang berminat dan PNM juga boleh bekerjasama dengan mana-mana institusi luar yang berminat;
- 6.2 PNM akan menyediakan buku terbitan PNM untuk pameran secara percuma;
- 6.3 Institusi luar hendaklah menyediakan tapak dan kemudahan pameran seperti rak buku atau apa-apa kemudahan lain secara percuma;
- 6.4 Senarai judul buku terbitan PNM yang ingin dipamerkan adalah tertakluk kepada kesesuaian tempat yang disediakan oleh institusi luar;
- 6.5 Tiada had tempoh ditetapkan untuk mempamerkan buku terbitan PNM di institusi luar. Institusi luar atau PNM boleh mempertimbangkan tempoh yang wajar bagi pameran buku untuk jualan. Walau bagaimanapun, PNM boleh mengambil semula buku yang dipamerkan pada bila-bila masa.
- 6.6 PNM hanya menyediakan senarai harga jualan sahaja dan label tanda harga jualan buku perlu disediakan oleh institusi luar;
- 6.7 PNM hanya menyediakan satu (1) naskhah buku sahaja bagi setiap judul untuk dipamerkan;
- 6.8 Stok buku terbitan PNM untuk jualan disimpan di PNM;
- 6.9 Buku terbitan PNM untuk dipamerkan boleh diambil sendiri oleh institusi berkenaan atau dihantar oleh PNM mengikut kesesuaian;
- 6.10 PNM tidak menyediakan pegawai pemasaran. Institusi berkaitan hendaklah atas inisiatif sendiri untuk menjual dan mempromosikan buku kepada orang ramai; dan
- 6.11 Katalog dan penerangan buku terbitan PNM terkini boleh diakses di menu ‘PENERBITAN’ melalui laman sesawang <https://www.pnm.gov.my>;

- 6.12 Institusi berkaitan hendaklah memapar atau memaklumkan alamat dan nombor perhubungan PNM kepada pembeli. Pembeli boleh hadir atau menghubungi PNM untuk membeli buku-buku tersebut. Alamat dan nombor telefon PNM yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Unit Penerbitan
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
Tingkat 12, Menara PNM
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2687 1700 samb. 1876
Emel : penerbitan@pnm.gov.my

- 6.13 Kos penghantaran buku yang dibeli terus daripada PNM akan ditanggung sepenuhnya oleh PNM.

7. AKTIVITI

- 7.1 Membuat semakan permohonan pameran yang diterima daripada institusi Luar;
- 7.2 Mengenal pasti tapak dan kemudahan pameran seperti rak buku, kerusi, meja dan sebagainya yang disediakan oleh pihak pengajur;
- 7.3 Mengadakan mesyuarat pelaksanaan pameran;
- 7.4 Menyediakan senarai judul buku terbitan PNM yang akan dipamerkan mengikut kesesuaian tempat yang disediakan;
- 7.5 Menyediakan senarai harga jualan bagi buku yang akan dipamerkan; dan
- 7.6 Institusi yang akan mengadakan pameran perlu mengambil sendiri buku-buku terbitan tersebut di PNM.

8. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

- 8.1 Tiada komisyen diberikan atas jualan buku kepada institusi luar yang memamerkan buku terbitan PNM;
- 8.2 Institusi luar yang berminat menjana keuntungan atas jualan buku terbitan PNM boleh membeli buku terbitan PNM dengan harga pembekal/pengedar buku dan kos penghantaran adalah di bawah tanggungan institusi berkenaan;
- 8.3 Buku pameran yang rosak teruk boleh ditukar secara percuma dan dikembalikan kepada PNM. Institusi luar perlu memaklumkan kepada PNM sekiranya buku yang rosak tidak dapat dikembalikan disebabkan oleh faktor bencana alam. Contoh buku yang rosak teruk adalah seperti berikut:
 - (i) Buku telah lusuh atau tidak dapat dibaca; dan
 - (ii) Kandungan/helaian buku telah hilang atau tidak dapat dibaca.
- 8.4 Buku pameran PNM hendaklah dikembalikan kepada PNM jika institusi berkenaan tidak lagi berhasrat memamerkan buku tersebut;
- 8.5 Keselamatan buku terbitan PNM yang dipamerkan oleh institusi luar adalah di bawah tanggungjawab institusi berkenaan; dan
- 8.6 PNM tidak terikat untuk memamerkan buku terbitan PNM di mana-mana institusi luar. Sehubungan itu, tiada sebarang caj atau denda boleh dikenakan kepada PNM.

9. PENUTUP

Garis panduan ini diharap dapat memperkaya usaha sama di antara PNM dengan institusi luar yang berminat untuk mengadakan pameran dan jualan terbitan PNM di institusi masing-masing. Ia juga secara langsung dapat meningkatkan amalan budaya membaca serta membantu PNM menyemarak usaha mempromosi buku terbitan PNM secara lebih giat dan agresif.

10. RUJUKAN

Sumber Buku

Hamedi Mohd Adnan. (2008). *Memahami penyuntingan naskhah*. Media Publications.


Sumber Elektronik

Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.) Akta, Dasar dan peraturan
<https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/270?mid=82>

Katalog dan penerangan buku terbitan PNM <https://www.pnm.gov.my>

LAMPIRAN I

**CARTA ALIR PAMERAN BUKU TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
UNTUK JUALAN DI INSTITUSI LUAR**



LAMPIRAN II

Pameran Jualan Buku Penerbitan PNM

